

**Semangat Ramadan Cetus Suasana Tenang PRK Kuala Besut
Bernama
16 Julai, 2013
Oleh Mohd Yusof Saari**

KUALA BESUT, 16 Julai (Bernama) -- Semangat Ramadan memusatkan kempen Barisan Nasional (BN) dan PAS yang memasuki hari kelima kepada pendekatan kesederhanaan dan berhemah untuk calon masing-masing bagi pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut.

Berbeza daripada kebiasaannya, BN dan PAS juga tidak dilihat menumpukan kepada program besar-besaran serta penganjuran pelbagai ceramah dengan menjadikan pemimpin besar sebagai 'umpan' bagi memancing kehadiran penduduk.

Ikrar calon BN Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman dan calon PAS Endot@Azlan Yusof untuk tidak menyerang peribadi tetapi berhemah membentuk tempo berkempen yang agak tenang sehingga kini walaupun dicemari satu kes pembakaran bendera di Kampung Lampu.

"Kita tidak mahu dan tidak akan menyerang orang lain," memetik kata Tengku Zaihan seperti dilaporkan, serta menyifatkan serangan peribadi terhadap pihak lawan sebagai tidak perlu dan hanya membuang masa.

Kempen yang lebih tertumpu kepada aktiviti bersemuka dengan pengundi di masjid dan surau melalui aktiviti berbuka puasa, solat tarawih dan moreh itu berjaya menghindarkan pernyataan atau tuduhan sesama calon dan parti, biarpun terdapat isu yang boleh dieksploitasi antara mereka.

Daripada beberapa sesi sidang media dan temu bual di lokasi kempen, kedua-dua calon jelas tidak selesa apabila diajukan pertanyaan berkenaan dakwaan terhadap lawan masing-masing, malah tegas menyatakan yang mereka tidak akan menggunakan cara menyerang peribadi lawan bagi meraih sokongan.

Kedua-dua calon bersama pengurus kempen sebaliknya lebih gemar berbicara mengenai perancangan mereka kepada pengundi Kuala Besut.

Antara 'isu' yang menjadi bualan mengenai Tengku Zaihan ialah beliau tidak menetap di Kuala Besut manakala wakil PAS Azlan tidak memiliki pendidikan tinggi.

Walaupun dilihat remeh tetapi jika isu itu disambut dan dijadikan bahan kempen, ramai berpendapat tempo berkempen yang berlangsung secara berhemah mungkin boleh berubah menjadi panas.

Meskipun Kuala Besut secara geografinya tidak seluas mana namun berkempen di bulan puasa bagi calon dilihat cukup mencabar kerana terpaksa berhadapan dengan panas terik untuk mengunjungi pengundi di lapan pusat daerah mengundi termasuk meredah Laut China Selatan untuk bertemu penduduk di Pulau Perhentian.

Kempen di bulan Ramadan juga memberi ruang kepada Tengku Zaihan dan Azlan bebas untuk menemui setiap lapisan pengundi dengan berkunjung dan menyantuni mereka di bazar Ramadan.

Namun suasana kempen tetap ceria dengan kedua parti mengaktifkan jentera menaikkan

bendera parti masing-masing.

Berikutan insiden pembakaran bendera di Kampung Lampu, Ketua Polis Daerah Besut Supt Kamaruddin Mohd Zakaria menasihatkan para penyokong parti supaya berkempen secara profesional dan berhemah dengan tidak menimbulkan sebarang provokasi terhadap parti lawan dan sentiasa mematuhi arahan dan undang-undang seperti yang termaktub dalam Akta Pilihan Raya 1954.

Kuala Besut mempunyai kira-kira 22,986 penduduk dan daripada jumlah itu 17,683 adalah pengundi berdaftar meliputi 17,463 pengundi Melayu, Cina 125 manakala selebihnya pengundi lain-lain bangsa.

Pilihan raya kecil DUN Kuala Besut diadakan berikutan kematian penyandanginya Dr A Rahman Mokhtar dari BN pada 26 Jun lepas akibat kanser paru-paru.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963616>